



51 kilang haram degil diarah tutup

➔ Kerajaan negeri perlu kerjasama agensi potong utiliti premis terbabit

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@nstp.com.my

► Shah Alam

Sebanyak 51 daripada 99 kilang haram yang sudah menerima notis penutupar masih ingkar dan terus beroperasi di Selangor walaupun kerajaan negeri bersama agensi ber-

kaitan giat menjalankan penguatkuasaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han, memberitahu Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, sebelum ini 107 kilang haram dikesan beroperasi di enam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu.

Beliau berkata, 48 daripada 99 kilang haram itu sudah ditutup sepenuhnya.

"Namun masih berbaki 51 kilang yang dikesan ingkar mematuhi notis yang dikeluarkan pihak penguatkuasa.

"Kerajaan negeri memerlukan kerjasama agensi untuk memotong utiliti kilang terbabit.

"Cara yang paling berkesan untuk menghentikan operasi kilang



Ng Sze Han

haram ini ialah dengan memotong bekalan air dan elektrik, seperti tindakan penguatkuasaan yang dilaksanakan di Kuala Langat.

Perlukan kerjasama

"Kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Suruhanjaya Tenaga diperlukan bagi bersama-sama membanteras kilang haram sepenuhnya," katanya.

Sze Han berkata demikian menjawab soalan Leong Tuck Chee (DAP-Pandamaran) mengenai status kilang haram di negeri ini.

Pada masa sama, Sze Han (DAP-Kinrara), berkata kerajaan negeri komited melaksanakan penguatkuasaan terhadap kilang haram termasuk mengambil tindakan mahkamah dalam enam kes, membabitkan kutipan denda

RM389,000 dan hukuman sehari penjara.

Katanya, antara Julai 2018 hingga Februari tahun ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah mengambil tindakan terhadap 127 kes termasuk 50 kes yang disyorkan dibawa ke mahkamah, sekali gus membuktikan komitmen kerajaan negeri dalam membanteras masalah kilang haram.

"Menjawab soalan tambahan Dr Idris Ahmad (PKR-Ijok) berkaitan isu rampasan hak milik tanah yang disalahgunakan, kerajaan negeri turut mengeluarkan tiga notis kepada pemilik tanah terbabit.

"Sebagai contoh, dalam kes di Kuala Langat, pemilik kilang diberi Notis 7A, 7B dan 8A, sekiranya tuan tanah masih gagal memulihkan tanah seperti yang diarahkan, tindakan lanjut diambil," katanya.



26 Mar 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: Rafidah Mat Ruzki • Section: Nasional • Page: 63 • Printed size: 284.00cm²
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 9,752.00
Item ID: MY0035506786

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kerajaan negeri perlu kerjasama agensi potong utiliti premis terbabit

Shah Alam Sebanyak 51 daripada 99 kilang haram yang sudah menerima notis penutupan masih ingkar dan terus beroperasi di Selangor walaupun kerajaan negeri bersama agensi berkaitan

giat menjalankan penguatkuasaan. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han, memberitahu Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, sebelum ini 107 kilang haram dikesan beroperasi di enam kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu.